


PROSES PENYEDIAAN

KURIKULUM DIPLOMA PEMASARAN

—
Laporan Ringkas

Penulis
Sabariah binti Othman
Perdagangan



PROSES PENYEDIAAN KURIKULUM DIPLOMA PEMASARAN

LAPORAN RINGKAS

*Berdasarkan pengalaman penulis
sebagai Ahli Jawatankuasa
Penggubal Kurikulum*

SABARIAH BINTI OTHMAN

Proses Penyediaan Kurikulum Diploma Pemasaran: Laporan Ringkas

Penerbitan Pertama 2021

© Sabariah Othman

Terbitan Politeknik Tuanku Sultanah Bahiyah

e ISBN 978-967-2740-06-3

© Hak cipta terpelihara. Tiada bahagian daripada terbitan ini boleh diterbitkan semula, disimpan untuk pengeluaran atau ditukarkan ke dalam sebarang bentuk atau dengan sebarang alat, sama ada dengan cara elektronik, gambar dan rakaman serta sebagainya tanpa kebenaran bertulis daripada penulis dan penerbit.

Terbitan oleh:

Politeknik Tuanku Sultanah Bahiyah

Kulim Hi Tech Park

09000 Kulim

Kedah Darul Aman

Laman Web: <https://ptsb.mypolycc.edu.my>

PENGHARGAAN

Ucapan terima kasih kepada Pn. Rodzaida Md Alias, yang merupakan mantan Penolong Pengarah Kanan, Unit Pengurusan dan Perdagangan, Bahagian Kurikulum, Jabatan Pendidikan Politeknik dan Kolej Komuniti (2014-2020). Beliau memainkan peranan yang sangat penting dalam memastikan penghasilan laporan ringkas proses pembangunan kurikulum ini dapat disiapkan. Segala pengorbanan masa dan curahan idea beliau sangat saya hargai dan diucapkan ribuan terima kasih. Ucapan terima kasih juga kepada semua rakan-rakan yang menjadi peserta bengkel kurikulum yang juga mempunyai matlamat yang sama iaitu menghasilkan kurikulum yang berkualiti dan berimpak tinggi dalam institusi TVET ini.

Terima kasih kepada Pn. Siti Maryam Mohd Arifin selaku Timbalan Pengarah, Unit Pengurusan dan Perdagangan, Bahagian Kurikulum, Jabatan Pendidikan Politeknik dan Kolej Komuniti, yang banyak memberi bimbingan dan informasi semasa sesi bengkel kurikulum berlangsung. Tidak lupa juga kepada pihak Jabatan Perdagangan terutamanya Ketua Jabatan Perdagangan, Pn. Noraihan Mamat Zambi yang menyokong penuh usaha penulis menghasilkan laporan ringkas ini berdasarkan pengalaman penulis sebagai penggubal kurikulum politeknik. Sesungguhnya tiada balasan yang terhebat melainkan Allah jua yang membalaunya. Mudah-mudahan penulisan ini memberi manfaat kepada semua pembaca.

ABSTRAK

Kurikulum program pengajian adalah dokumen penting bagi membolehkan program pengajian dilaksanakan dengan lancar tanpa ada masalah, relevan digunakan dan memenuhi keperluan industri. Secara umumnya, kurikulum boleh didefinisikan sebagai pengalaman dan pengetahuan menyeluruh yang diperolehi oleh pelajar semasa mereka melalui tempoh pengajian di sesebuah institusi. Pelbagai komponen dimasukkan ke dalam kurikulum seperti isi kandungan instruksional yang dirancang supaya wujud interaksi berkesan pelajar, cadangan teknik pengajaran, sumber-sumber rujukan dan proses untuk mencapai objektif pendidikan. Manakala beberapa pihak telah dilantik bagi meneliti dan mengesahkan kesesuaian kurikulum seperti pihak industri, Institusi Pengajian Tinggi Awam (IPTA) dan alumni. Pihak yang dilantik ini akan menghadiri mesyuarat Jawatankuasa Penasihat Kurikulum bagi mendengar pembentangan daripada penggubal kurikulum dan memberi saranan-saranan yang sesuai supaya kurikulum yang digubal tidak mempunyai masalah dan boleh digunakan di peringkat politeknik. Namun, ada di kalangan pensyarah yang tidak begitu faham akan proses yang terlibat dalam membangunkan kurikulum tersebut. Ketua Program sering mendapat rungutan daripada pensyarah berkaitan struktur kursus yang mereka gunakan tidak sesuai atau mempertikaikan kandungan kursus yang telah disusun dan ditetapkan oleh pihak penggubal. Justeru itu, saya terpanggil untuk berkongsi kepada para pensyarah melalui penulisan laporan ringkas ini yang bertujuan memberi sedikit pendedahan berkaitan proses pembangunan kurikulum yang telah berlaku bagi menyediakan kursus-kursus yang sedang digunakan sekarang. Prosesnya berobjektif, terancang dan semestinya memenuhi keperluan pemberi akreditasi bagi membolehkan graduan Politeknik dan Kolej Komuniti bergraduat dengan memiliki diploma yang diiktiraf. Untuk memastikan kesahihan maklumat yang disampaikan, ulasan daripada pihak yang pakar dalam bidang ini telah diperolehi untuk mengesahkan maklumat di dalam laporan ini iaitu Pn. Rodzaida bt. Md Alias selaku mantan Penolong Pengarah Kanan, Unit Pengurusan dan Perdagangan, Bahagian Kurikulum, Jabatan Pendidikan Politeknik dan Kolej Komuniti yang mempunyai pengalaman yang sangat luas dalam hal ehwal pembangunan kurikulum JPPKK

SENARAI KANDUNGAN

	MUKA SURAT
PENGHARGAAN.....	iii
ABSTRAK.....	iv
SENARAI KANDUNGAN.....	v
SENARAI JADUAL.....	vi
SENARAI RAJAH.....	vi
1.0 PENGENALAN.....	1
2.0 KEPENTINGAN BOOK OF KNOWLEDGE (BoK).....	2
3.0 RINGKASAN PENYEDIAAN STRUKTUR PROGRAM DPR...	7
4.0 PENAMBAHBAIKAN KUALITI BERTERUSAN (CQI)	
KURIKULUM.....	11
5.0 KESIMPULAN & RUMUSAN.....	15
6.0 PENUTUP.....	16
LAMPIRAN.....	17

- E-book Manual Pembangunan Kurikulum Program Pengajian Politeknik
- Programme Standards: Business Studies

SENARAI JADUAL

MUKA SURAT

Jadual 1	Ringkasan Perancangan <i>Skills, Competencies, Extended Learning Outcomes, CLO</i> dan Assessment	4
Jadual 2	Pemetaan Programme Standards Dengan Kursus Yang Ditawarkan (Kursus Sedia Ada) Dalam Program DPR	5
Jadual 3	Pemetaan PLO dengan CLS	7
Jadual 4	Penambahbaikan Pernyataan PEO	13
Jadual 5	Penambahbaikan Pernyataan PLO	13

SENARAI RAJAH

MUKA SURAT

Rajah 1	Pemetaan BoK dengan MQF Level	6
Rajah 2	Pengurusan Penyediaan Kurikulum (Sukatan Kursus)	8
Rajah 3	Proses Pembangunan Kurikulum	11
Rajah 4	Ilustrasi PDCA	15

1.0 PENGENALAN

Kurikulum program pengajian adalah dokumen penting bagi membolehkan program pengajian dilaksanakan dengan lancar tanpa ada masalah, relevan digunakan dan memenuhi keperluan industri. Pensyarah kursus akan menggunakan dokumen kurikulum ini yang terbahagi kepada dua bahagian iaitu pertama Programme Information yang mengandungi 11 item atau maklumat keseluruhannya berkaitan program iaitu *1.Introduction, 2.Synopsis, 3.Job Prospect, 4.Vision, 5.Mission, 6.Educational Goal, 7.Programme Aim, 8.Programme Educational Objectives (PEO), 9.Programme Learning Outcome (PLO), 10.Matrix PLO vs PEO dan 11.Programme Structure.*


Manakala bahagian kedua iaitu *Course Information* mengandungi 15 item atau maklumat iaitu *1.name of course as well as course code, 2. synopsis of the course, 3.name of the academic staff, 4.semester and year offered, 5.credit value, 6.prerequisite/co-requisite, 7.course learning outcome (CLO), 8.mapping of the CLO to the PLO, teaching, methods and assessment, 9.transferable skills, 10.distribution of student learning time (SLT), 11.special requirement or resources to deliver the course, 12.reference, 13.other additional information, 14.course syllabus dan 15.assessment.*

Semua item atau maklumat di dalam kedua-dua dokumen kurikulum ini hendaklah dimiliki serta difahami oleh semua pensyarah kerana ia merupakan dokumen utama di dalam melaksanakan proses pengajaran dan pembelajaran yang dapat memenuhi aspirasi dan matlamat JPPKK melalui konsep *Outcome-Based Education* yang menjadi asas kepada pembangunan kurikulum bagi semua program di politeknik dan kolej komuniti.

Berdasarkan maklumat di atas, proses penyediaan dokumen kurikulum menjadi satu agenda yang sangat dititikberatkan bagi menjamin ianya mampu memberi hasil pembelajaran yang bermanfaat kepada pelajar dan graduan yang mempunyai nilai tambah kepada industri dan negara. Oleh itu, ia memerlukan proses penyediaan yang sangat teliti dan terperinci.

2.0 KEPENTINGAN *BODY OF KNOWLEDGE* (BoK)

Kursus yang digubal akan merujuk kepada *Body of Knowledge* (BoK) dalam standard program masing-masing. Bagi Program Diploma Pemasaran (DPR), BoK dirujuk menggunakan buku *Programme Standards: Business Studies* yang diterbitkan oleh MQA.



Programme Standards ini boleh diakses dengan mudah melalui laman web MQA:

<https://www2.mqa.gov.my/qad/v2/types3new.cfm>

Setiap penggubal kurikulum dan Ketua Program harus faham *Program Standards* ini berikutan pelbagai persoalan boleh terjawab seperti kandungan kurikulum, tahap MQF, jumlah *contact hours* yang dibenarkan bagi pelajar bergraduat, staf akademik, bentuk penilaian pelajar yang dicadangkan dan lain-lain lagi.

Setiap kursus yang hendak ditawarkan dalam program pengajian adalah berdasarkan BoK sebagai piawai/standard program tahap diploma di semua institusi pengajian tinggi termasuklah Politeknik. Proses ini bukanlah satu perkara yang mudah kerana ia perlukan penelitian dan justifikasi yang praktikal dan berasas dan tiada istilah ‘tangkap muat’ disini. Jawatankuasa penggubal akan berbincang bersama dengan pihak Bahagian Kurikulum, JPPKK untuk memastikan hasil pembelajaran setiap kursus

tercapai melalui pembangunan pernyataan *Course Learning Outcome* (CLO) yang tepat dan mengikut tatacara yang telah dikeluarkan oleh Bahagian Kurikulum.

Semasa proses penggubalan kurikulum, secara umumnya antara perkara yang perlu dibincangkan adalah melihat hubungkait antara PLO, BoK dengan komponen-komponen berikut sebelum terhasilnya satu dokumen lengkap mengikut format yang digunakan ketika ini:

- i. *Skills*
- ii. *Competency*
- iii. *Intended Learning Outcomes (ILO)*
- iv. *Course Learning Outcomes (CLO)*
- v. *Assessments*

Sebagai contoh, Rujuk Jadual 1 di bawah untuk melihat perkaitan antara PLO, BoK, Skills, Competencies, ILO, CLO dan Assessments bagi memastikan secara dasarnya hasil pembelajaran adalah sejajar dengan kemahiran dan kompetensi yang diingini melalui kursus ini. Kod dan kursus yang digunakan dalam struktur program *Version: 230419_3_Effective: June 2020* adalah DPM40063 (Introduction to Retailing).

Rujukan hasil pembelajaran boleh diakses dengan menggunakan link di bawah:

[Kompilasi Panduan Pembangunan Hasil Pembelajaran versi Disember2019 \(1\).pdf \(mypolycc.edu.my\)](http://mypolycc.edu.my)

Contoh:

PLO1	Body of Knowledge (BoK)	Skills	Competencies	Intended Learning Outcome	Course Learning Outcome (CLO)	Assessments
Apply good understanding of concepts and theories in the field of marketing	Retailing	Technical Skills – Students able to apply the elements of retailing in dynamic environment and analyze the customer's needs in making appropriate decisions for retailing strategies.	Able to collect and manage information related to retail business and its impact to the retail industries as a whole.	Students able to explain, give examples and illustrate the retail mix in designing effective retail strategies.	Apply the knowledge of retail management to manage retail operation in the dynamic retailing environment (C3, PLO1)	Quiz Theory Test

Jadual 1: Ringkasan Perancangan *Skills, Competencies, Extended Learning Outcomes,*

CLO dan Assessment

Domain taksonomi (DT) yang ditentukan sama ada berbentuk Cognitive (C)
Affective (A)
Psychomotor (P) bersama arasnya.
Dalam contoh ini adalah Cognitive pada aras 3.

Bagi proses semakan semula kurikulum, pemetaan bagi senarai kursus di dalam program sedia ada dengan BoK merupakan proses penting yang perlu diselesaikan. Jawatankuasa penggubal akan membuat pemetaan bagi setiap kursus yang ditawarkan di dalam program pengajian sedia ada dengan bidang mengikut keperluan MQA berdasarkan BoK di dalam *Program Standard* seperti yang ditunjukkan di dalam Jadual 2 di bawah sebagai contoh. Di mana bidang *Consumer Behaviour* di dalam BoK dipetakan dengan elemen yang ada di dalam kursus *Consumer Behaviour* politeknik. Melalui kaedah pemetaan yang dibuat, penggubal dapat mengenalpasti sama elemen yang ada di dalam kursus menepati atau tidak kursus-kursus yang ditawarkan dalam Program Diploma Pemasaran serta tidak keluar daripada apa yang disarankan di dalam BoK. Bahagian Kurikulum JPPKK, akan memeriksa setiap saranan yang dibuat oleh pihak penggubal kurikulum supaya tiada kesilapan dalam proses pemetaan ini.

Contoh:

Bidang mengikut keperluan MQA dalam buku <i>Program Standards</i>		Kursus Sedia Ada		Status
Body of Knowledge (BoK)	Recommended Topics	Related Course in Polytechnic	Related Topics	Approved Yes/No
Consumer Behaviour		DPM40083 Consumer Behaviour	Introduction to Consumer Behaviour	Yes
	Buying Decision Process		Consumer Decision Process - Including decision making model	
	Individual Influence on Consumer Behaviour		Individual Factors	
	Environmental Influence on Consumer Behaviour		Environmental Factors	
	Decision Making Model			
			Consumerism	

Jadual 2: Pemetaan Program Standard Dengan Kursus Yang Ditawarkan (Kursus Sedia Ada) Dalam Program DPR

Pemetaan ini merupakan satu mekanisma kawalan. Sebagai contoh, di mana satu kursus di dalam program ini telah digugurkan daripada struktur program terdahulu iaitu kursus *Strategic Marketing (P5712)*. Ini adalah kerana, secara logiknya, kursus ini sangat bagus kepada pelajar program pemasaran dan berdasarkan pemahaman pensyarah kursus, ia dikatakan amat penting terutamanya dalam aspek pengurusan strategi pemasaran berkesan namun begitu ia hanya boleh ditawarkan kepada pelajar diperingkat *Advanced Diploma* dan ke atas berdasarkan BoK di dalam program standard seperti yang dibuktikan di dalam Rajah 1: Pemetaan BoK dengan MQF Level.

No.	Body of Knowledge	Recommended Topics	MQF Level					
			Certificate	Diploma	Advanced Diploma	Bachelor's	Master's*	Doctoral*
		Presentation of Findings		/	/	/	/	/
		Decision Making		/	/	/	/	/
3.	International / Global Marketing	Decisions to go Global		/	/	/	/	/
		Decisions on which Market to Enter		/	/	/	/	/
		International Market Penetration Options		/	/	/	/	/
		International Marketing Programme		/	/	/	/	/
4.	Service Marketing	Nature of Service Marketing	/	/	/	/	/	/
		Service Marketing Strategy		/	/	/	/	/
		Service Quality		/	/	/	/	/
5.	Marketing Management / Strategy	Role of Marketing Management			/	/	/	/
		Strategic Marketing Planning Process			/	/	/	/
		Marketing Plans			/	/	/	/

Rajah 1: Pemetaan BoK dengan MQF Level

Oleh yang demikian, setiap pensyarah perlu mempunyai pengetahuan tentang BoK ini supaya tiada salah faham yang wujud mengapa ada kursus ditawarkan dan ada sebahagiannya dikeluarkan daripada struktur program selepas melalui proses semakan semula kurikulum. Ini menunjukkan bahawa laluan pendidikan pelajar dari peringkat *undergraduate* sehingga *postgraduate* telah disusun dengan baik bagi membolehkan pengetahuan yang diperolehi oleh pelajar adalah lengkap dan bersesuaian dengan bebanan jam belajar mereka. Tambahan pula, perkara yang paling penting adalah aspek keseragaman kursus dalam kalangan pemberi perkhidmatan sektor pendidikan adalah terjamin.

3.0 RINGKASAN PENYEDIAAN STRUKTUR PROGRAM DPR

Berikutnya adalah aktiviti semakan bagi menetapkan *Program Aims* (PAI), *Program Educational Objectives* (PEO), *Program Learning Outcome* (PLO) yang sesuai dan tepat bagi program dan pemetaan terhadap MQF 8. Terkini, pemetaan tidak lagi dibuat menggunakan MQF edisi 1 tetapi dipetakan dengan menggunakan Cluster (CLS) di mana ia masih berdasarkan 8 learning domain yang terdahulu tetapi telah melalui proses penambahbaikan dengan menggunakan terma cluster seperti yang termaktub di dalam Malaysian Qualification Framework 2.0.

Bagi memastikan objektif program tercapai, bengkel membangunkan dokumen kurikulum telah dilaksanakan bagi memenuhi semua keperluan yang telah digariskan. Berikut adalah pemetaan PLO ke atas CLS bagi menjamin setiap PLO yang dihasilkan telah dipetakan dengan semua Cluster yang digariskan.

		CLS							
		CLS1	CLS2	CLS3a	CLS3b	CLS3c	CLS3d	CLS4	CLS5
PLO	PLO1	/							
	PLO2		/						
	PLO3			/					
	PLO4				/				
	PLO5					/			
	PLO6						/		
	PLO7							/	
	PLO8								/

Jadual 3: Pemetaan PLO dengan CLS

Bagi program DPR, terdapat 8 PLO berdasarkan 5 CLS. Di mana CLS3 dipecahkan kepada 4 CLS iaitu CLS3a, CLS3b, CLS3c dan CLS3d.

Cluster:

CLS1 : Knowledge & Understanding

CLS2 : Cognitive Skills

CLS3a : Practical Skills

CLS3b : Interpersonal & Communication Skills

CLS3c : Digital & Numeracy Skills

CLS3d : Leadership, Autonomy & Responsibility

CLS4 : Personal & Entrepreneurial Skills

CLS5 : Ethics and Professionalism

Program Diplom Pemasaran ditawarkan kepada 8 buah politeknik iaitu:

[Politeknik Sultan Abdul Halim Mu'Adzam Shah](#)

[Politeknik Kota Bharu](#)

[Politeknik Port Dickson](#)

[Politeknik Kota Kinabalu](#)


[Politeknik Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah \(Politeknik Premier\)](#)

[Politeknik Merlimau](#)

[Politeknik Sultan Azlan Shah](#)

[Politeknik Tuanku Sultanah Bahiyah](#)

Setiap politeknik tersebut mempunyai pensyarah yang telah dilantik sebagai Jawatankuasa Penggubal Kurikulum. Tugas yang diberikan adalah untuk menyiapkan sukatan kursus yang telah diamanahkan dengan lengkap dan seterusnya membentangkanya kepada Jawatankuasa Penasihat Kurikulum yang telah dilantik oleh pihak JPPKK. Secara umumnya, melalui pengalaman saya sebagai penggubal kurikulum, proses yang berlaku semasa menggubal kursus Introduction to Marketing Research dapat digambarkan di dalam Rajah 2 berikut:



Rajah 2: Pengurusan Penyediaan Kurikulum (Sukatan Kursus)


Jika dilihat semula dariuraian sebelum ini, ia adalah sebahagian daripada proses yang terlibat semasa pembangunan kurikulum sehingga menjadi sebuah dokumen kurikulum lengkap yang digunakan sekarang ini. Ini bermaksud, bukan sesuatu perkara yang mudah untuk menghasilkan satu sukan kursus yang dapat digunakan oleh semua Politeknik. Perlu penelitian bagi memastikan kurikulum yang dibina menepati keperluan MQA untuk akreditasi, memenuhi keperluan pihak industri bagi manfaat pelajar untuk peluang pekerjaan yang cerah setelah bergraduat dan memberi kemahiran serta ilmu berguna bagi aspek pembelajaran sepanjang hayat pelajar.

Selain daripada itu, penetapan *Student Learning Time* (SLT) turut diperbincangkan bagi memastikan masa pelajar yang diperuntukkan dalam sesuatu kursus tidak membebankan pelajar. Tambahan lagi SLT ini juga penting bagi mendapatkan jumlah jam kredit kursus.

Antara kaedah yang diterapkan dalam pembangunan kurikulum Diploma Pemasaran (DPR) adalah dimana pelajar ditingkatkan pemahaman mereka melalui aktiviti ataupun projek yang dimasukkan ke dalam sukan kursus. Pendekatan pembelajaran berdasarkan projek memerlukan kemahiran pemikiran yang kreatif dan kritis dikalangan pelajar. Mereka harus berfikir kaedah yang tertentu dan spesifik bagi menyelesaikan masalah sebenar yang berlaku sekarang. Ia memberi satu tugas yang kompleks berdasarkan persoalan-persoalan yang mencabar atau masalah yang melibatkan penyelesaian masalah pelajar, pembuatan keputusan, kemahiran mengkaji dan refleksi yang memerlukan penyeliaan pensyarah.

Pendekatan yang diambil oleh pensyarah sekiranya pembelajaran berdasarkan projek dilaksanakan adalah dengan mengadakan aktiviti di dalam kelas yang mengkhususkan kepada aktiviti pembelajaran jangka masa panjang, *interdisciplinary* dan berpusatkan pelajar. Secara umumnya, pendekatan ini lebih fleksibel tetapi pasti dengan pengawasan pensyarah sebagai penyelia projek. Walau bagaimanapun tarikh akhir penghantaran atau penyiapan projek akan diberikan oleh pensyarah terlebih dahulu. Tarikh ini berperanan sebagai panduan kepada keseluruhan proses yang akan dirancang oleh pelajar semasa melaksanakan dan menyiapkan projek berkenaan.


Justeru itu, dalam tempoh jangka masa yang diberikan, pelajar akan bekerja bersama-sama, menggabungkan kemahiran dan pengetahuan untuk dimanfaatkan kepada apa yang sedang dilakukan pada ketika itu bagi mencapai hasil pembelajaran yang telah



digariskan di dalam sesebuah kursus melalui tugasan yang telah diberi. Di samping itu juga, arahan di dalam pembelajaran berdasarkan projek adalah berbeza daripada aktiviti asas penyoalan dimana ia menumpukan kepada pembejaran kolaboratif. Ianya bergantung kepada keupayaan diri pelajar sendiri untuk menggambarkan apa yang telah dipelajari. Secara kasarnya dapatlah dikatakan disini, aplikasi projek pelajar adalah berdasarkan kepada permasalahan dunia yang sebenar dan ianya amat mementingkan pembelajaran kolaboratif di antara pelajar sekelas atau luar kelas mahupun dengan keadaan persekitaran.

Antara kursus Diploma Pemasaran yang banyak menekankan aspek ini adalah kursus *Marketing Plan, Marketing Research, Sales Management* dan *Retailing*. Antara bentuk-bentuk penilaian yang diterapkan dalam sukan kursus yang menjurus kepada projek adalah seperti *Problem Scenario, Case Study, Simulation* dan *Research Project*.

Pertemuan dan perbincangan sering dibuat dalam kalangan penggubal kurikulum supaya tiada elemen penting terlepas pandang sehingga ke hari pembentangan kepada pihak Penasihat Jawatankuasa Kurikulum dan pihak Lembaga Kurikulum. Individu yang dilantik adalah terdiri daripada pihak industri yang memegang jawatan pengurusan, pihak pensyarah pakar dari universiti tempatan dan pihak alumni yang telah mempunyai pencapaian yang cemerlang selepas bergraduat. Aliran proses pembangunan kurikulum dapat dilihat di dalam Rajah 3. Proses penting yang terlibat adalah input daripada pemegang taruh, penilaian daripada Bahagian Kurikulum, pengesahan daripada Jawatankuasa Penasihat Kurikulum, kelulusan kurikulum oleh pihak Lembaga Kurikulum dan seterusnya notifikasi kepada pihak MQA. Selain daripada itu, aspek semakan semula kurikulum yang berdasarkan perubahan dan keperluan semasa akan dilaksanakan bagi memastikan kurikulum yang digunakan adalah sentiasa relevan dari masa ke masa.



Rajah 3: Proses Pembangunan Kurikulum

4.0 PENAMBAHBAIKAN KUALITI BERTERUSAN (CQI) KURIKULUM

Pada hari ini, kurikulum Politeknik sentiasa melalui proses penambahbaikan dan pemurnian supaya kurikulum institusi TVET ini sentiasa relevan dan memenuhi kehendak industri. Isu-isu yang menjadi keutamaan dalam aspek CQI ini adalah seperti I.R 4.0, Keusahawanan, *Green Curriculum* dan lain-lain isu yang memberi kesan langsung kepada perubahan struktur program. Jika dilihat daripada proses pembangunan kurikulum yang telah diterangkan sebelum ini, para pensyarah telah diberi gambaran jelas bahawa kurikulum politeknik dibangunkan secara berstruktur dan bersistematis. Namun begitu, pihak politeknik sering mengalu-alukan pendapat dan cadangan daripada pensyarah kursus sebagai pihak pelaksana kurikulum dengan menggunakan platform dan medium maklumbalas kurikulum yang disediakan dari semasa ke semasa.

Apabila sukatan kursus yang baharu diberikan kepada pensyarah kursus, Ketua Program bertanggungjawab untuk menerangkan perkara ini kepada semua pensyarah supaya pemahaman yang jelas dapat diperolehi dan kekeliruan dapat dielakkan

Selain daripada itu, sekiranya terdapat penambahbaikan/perubahan di dalam dokumen kurikulum, pemakluman akan dibuat oleh pihak Bahagian Kurikulum, JPPKK ke semua institusi sebagai pihak pelaksana kurikulum supaya tiada kekeliruan berlaku. Setelah makluman diterima, kebiasaannya di sini, hebahan dibuat kepada Ketua Program supaya maklumat tersebut dapat diampaikan pula kepada pensyarah dalam program masing-masing.

Antara komponen-komponen yang diberi perhatian semasa semakan kurikulum adalah seperti:

1. Penamaan program disebabkan pindaan pada *Body of Knowledge* atau mengikut trend semasa
2. Perubahan/penambahan kepada kaedah WBL
3. Perubahan kandungan dan bilangan pernyataan
4. Pengguguran/Penambahan Kursus

Setiap perubahan yang dibuat terhadap kurikulum perlu dimaklumkan kepada pihak MQA sebagai pihak yang memberi akreditasi.

Penambahbaikan ke atas pernyataan PEO (rujuk Jadual 4) dan PLO (rujuk Jadual 5) adalah sangat penting supaya semua pelajar yang mengikuti program ini tahu hala tuju mereka apa tamat belajar nanti. Manakala kepada pensyarah yang mengajar pula, mereka boleh bersiap sedia untuk menjadi fasilitator kepada pelajar dan bertanggungjawab untuk membimbing pelajar ke arah pencapaian objektif yang dihasratkan dan hasil pembelajaran yang telah gariskan di dalam dokumen kurikulum program ini. PEO akan diukur setelah pelajar tamat pengajian 3 – 5 tahun. Manakala, PLO diukur sebaik sahaja pelajar tamat dalam program pengajian.

BIL.	PEO		SESI KUATKUASA
	LAMA	BAHARU	
1	Knowledgeable and technically competent in marketing discipline in line with the industry requirement	Occupy the field of marketing with marketers who are knowledgeable and skillful in marketing world	
2	Effective in communication and demonstrate good leadership quality in an organization	Provide the industries with marketers who can communicate well in written and spoken to convey information as a leader or a member of a team in executing programmes related to marketing as well as other activities in a variety of contexts.	
3	Capable to solve problems in business situations innovatively, creatively and ethically through sustainable approach	Produce marketers who are involved in continuously seeking knowledge and skills activities or emerge as an entrepreneur in order to sustain themselves in the challenging world of information and technology	June 2019
4	Able to demonstrate entrepreneurship skills and recognize the needs of life-long learning for successful career advancement	Establish the behavior of marketers by conforming to the ethics and professionalism of marketing in order to grow and succeed in the life within industries, organizations as well as society	

Jadual 4: Penambahanbaikan Pernyataan PEO

BIL.	PLO		SESI KUATKUASA
	LAMA	BAHARU	
1	Apply knowledge of marketing and related field in every industry worldwide	Apply good understanding of concepts and theories in the field of marketing	
2	Demonstrate comprehensive technical expertise in marketing disciplines	Analyze valuable information and ideas gathered by possessing scientific skills and utilizing different thinking skills in order to solve problems in marketing	June 2019


3	Communicate effectively both in written and spoken form with colleague, other professionals and community	Perform marketing practical work skills in managing marketing activities	
4	Identify, formulate and provide creative, innovative and effective solution to business situation	Display the ability to work in a group effectively by conveying verbal and written information coherently as a leader or a member of a team in managing marketing operations	
5	Develop an effective social responsibility and humanistic values to meet the common goals	Adopt a variety of skills in managing information including the use of digital application and commit to continue seeking knowledge for self-improvement	
6	Generate interest to engage in life-long learning for professional and career development	Demonstrate the ability of being a responsible individual either as a leader or a member of a team by using social skills in delivering messages, thoughts and feelings with others	
7	Possess self-motivation and enhancement of entrepreneurship skills	Decide career path by identifying self-improvement initiatives and possibilities of being an entrepreneur during exploration and engagement in entrepreneurial activities	
8	Commit professionally, ethically and with humane responsibility, in line with marketing professional code of conduct	Exhibit acts of integrity through positive values, ethics and professionalism in executing marketing activities.	
9	Demonstrate effective leadership and teamwork responsibility		

Jadual 5: Penambahbaikan Pernyataan PLO

5.0 KESIMPULAN DAN RUMUSAN

Secara keseluruhannya, proses pembangunan kurikulum di Politeknik dan Kolej Komuniti adalah sangat berstruktur dan mempunyai objektif yang jelas. Setiap perubahan yang bakal dibuat akan melalui proses perancangan, pembentangan dan kelulusan secara khusus. Individu yang terlibat dalam proses ini juga telah dilantik dari kalangan individu yang berkompetensi dalam bidang. Semua pihak yang terlibat dalam pembangunan kurikulum seperti pihak industri, alumni dan yang pastinya pensyarah berperanan menggunakan kemahiran dan kepakaran yang dimiliki dalam memberi pendapat dan komen semasa proses penambahbaikan kurikulum ini berlangsung dari semasa ke semasa.

Berdasarkan proses yang telah diterangkan di atas, saya berpendapat menggunakan pendekatan PDCA iaitu Plan, Do, Check & Action dalam pembangunan kurikulum telah dilaksanakan.



Rajah 4: Illustrasi PDCA

Kaedah PDCA adalah alat yang digunakan untuk membantu pihak pengurusan merancang, membuat, menyemak dan bertindak. Ia dikatakan sangat berkesan dalam menambahbaik aktiviti-aktiviti seperti projek dan proses-proses penting yang memastikan sesebuah organisasi itu berfungsi.

Aplikasi PDCA ini juga adalah alat yang dicadangkan oleh kumpulan technical standards ISO 9001:2015.

Kelebihan PDCA adalah seperti:

- Melancarkan dan menambahbaik aktiviti
- Pengenalpastian masalah dan puncanya
- Mengoptimumkan garis panduan kawalan
- Penglibatan pasukan (pengurus dan jawatankuasa)
- Penambahbaikan proses berterusan.


6.0 PENUTUP

Sebagai salah seorang penggubal kurikulum yang telah dilantik oleh pihak JPPKK, saya berharap dengan sedikit penerangan dan perkongsian di dalam buku ini dapat memberi gambaran kepada para pensyarah berkaitan dengan proses pembangunan kurikulum yang dilaksanakan sehingga boleh digunakan sekarang. Persoalan-persoalan dan pertikaian yang mungkin wujud dapat diperjelaskan dengan memahami prosedur-prosedur untuk membangunkan sesebuah kurikulum program pengajian. Sesungguhnya banyak pihak yang terlibat untuk memastikan setiap kursus yang dipilih dan dimasukkan di dalam struktur program adalah yang terkini dan relevan digunakan.


Justeru itu, untuk lebih faham tentang kurikulum, saya sarankan setiap individu pensyarah meluangkan masa untuk membaca dua lampiran yang saya sertakan bersama iaitu ‘Manual Pembangunan Kurikulum Program Pengajian Politeknik’ dan ‘Program Standards: Business Studies’. Walau bagaimanapun, untuk program standards para pensyarah boleh klik pada link yang sama dan pilih program masing-masing.

Akhir kata, saya ucapkan ribuan terima kasih kepada semua rakan-rakan pensyarah yang telah meluangkan masa untuk membaca perkongsian ini. Moga kita semua menjadi tenaga pengajar TVET yang sentiasa memberi inspirasi dan memperkasakan graduan TVET yang berkualiti.

LAMPIRAN (E-BOOK)



<https://heyzine.com/flip-book/11363510c4.html>



<https://www2.mqa.gov.my/qad/v2/types3new.cfm>





KOMPILASI RUJUKAN PEMBANGUNAN HASIL PEMBELAJARAN DAN TAKSONOMI PEMBELAJARAN


**UNIT PENILAIAN DAN INOVASI KURIKULUM
BAHAGIAN KURIKULUM
JABATAN PENDIDIKAN POLITEKNIK DAN KOLEJ KOMUNITI
2019**

Rujukan hasil pembelajaran boleh diakses dengan menggunakan link di bawah:

[Kompilasi Panduan Pembangunan Hasil Pembelajaran versi Disember2019 \(1\).pdf \(mypolycc.edu.my\)](#)







GAMBAR BENGKEL KURIKULUM



Komitmen semua pensyarah yang dilantik sebagai Jawatankuasa Penggubal Kurikulum
adalah >100%




Sekian,
TERIMA KASIH!



PROSES PENYEDIAAN KURIKULUM DIPLOMA

PEMASARAN

LAPORAN RINGKAS



Sebagai salah seorang penggubal kurikulum yang telah dilantik oleh pihak JPPKK, saya berharap dengan sedikit penerangan dan perkongsian di dalam ebook ini dapat memberi gambaran kepada para pensyarah berkaitan dengan proses pembangunan kurikulum yang dilaksanakan sehingga boleh digunakan sekarang.

Persoalan-persoalan dan pertikaian yang mungkin wujud dalam kalangan pensyarah berkaitan sukanan kursus yang diterima tidak seperti anggapan dan jangkaan pensyarah dapat diperjelaskan dengan memahami prosedur-prosedur untuk membangunkan sesebuah kurikulum program pengajian. Sesungguhnya banyak pihak yang terlibat untuk memastikan setiap kursus yang dipilih dan dimasukkan di dalam struktur program adalah yang terkini dan relevan digunakan.

Penulis:

SABARIAH BINTI OTHMAN

Terbitan oleh:
Politeknik Tuanku Sultanah Bahiyah
Kulim Hi Tech Park
09000 Kulim
Kedah Darul Aman
Laman Web: <https://ptsb.mypolycc.edu.my>

Terbitan



e ISBN 978-967-2740-06-3

A standard linear barcode representing the ISBN number. Below the barcode, the numbers are printed vertically: 9 7 8 9 6 7 2 7 4 0 0 6 3.